

# MK Land maju baki tanah

» Syarikat sasar  
lancar projek  
hartanah  
RM2.2 bilion

Oleh Shahrizan Sallian

shahrizan\_sallian@bh.com.my

(GST) apabila pengguna akan lebih jelas dengan sistem percukaian baharu itu kelak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis memeterai memorandum perjanjian (MoA) antara anak syarikat MK Land, Vast Option Sdn Bhd dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi, semalam.

## Tingkat penjenamaan BMLR

MoA itu adalah susulan memorandum persefahaman (MoU) terdahulu yang mana Lake View College (LVC) di kawasan Bukit Merah Laketown Resort (BMLR) yang dimiliki Vast Option, untuk bekerjasama menyediakan kemudahan Pengajian Berterusan Jarak Jauh (PBJJ) UKM.

Perjanjian juga bermatlamat meningkatkan lagi tahap penjenamaan BMLR sebagai hab pendidikan setempat, seterusnya menggalakkan kemasukannya pelajar baharu ke LVC.

MoA semalam dimeterai oleh Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali dan Ketua Eksekutif Vast Option, Salmah Awamng.

Ia disaksikan Pengarah Eksekutif MK Land, Felina Mustapha Kamal dan Penga-

**M**K Land Holdings akan menumpukan usaha memajukan baki 2,000 hektar simpanan tanah miliknya dengan sasaran melancarkan projek hartanah bernilai RM2.2 bilion dalam tempoh dua tahun kewangan akan datang.

Ketua Eksekutif Kumpulannya, Lau Shu Chuan, berkata syarikat masih memiliki kira-kira 200 hektar simpanan tanah di Selangor dan baki-nya kebanyakannya terletak di Perak, termasuk kawasan seluas kira-kira 800 hektar di Lembah Beriah yang dirancang dimajukannya sebagai bandar pendidikan.

"Pelancaran produk baharu bergantung kepada penerimaan pasaran semasa, khususnya selepas pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan



“Pelancaran produk baharu bergantung kepada penerimaan pasaran semasa, khususnya selepas pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) apabila pengguna akan lebih jelas dengan sistem percukaian baharu itu kelak”

Lau Shu Chuan,  
Ketua Eksekutif Kumpulan  
MK Land Holdings

rah Pusat Perkembangan Pendidikan UKM, Prof Norhamidi Muhamad.

## Lancar projek baharu

Sementara itu, Shu Chuan berkata, bagi tahun ini MK Land akan melancarkan beberapa projek baharu dengan tumpuan kepada pembangunan di Damansara Perdana dan kawasan pembangunan terakhir di Damansara Damai.

Katanya, di Damansara Perdana, syarikat akan melancarkan projek kondominium untuk pasaran pertengahan dengan saiz bermula daripada 800 kaki persegi.

Beliau berkata, syarikat juga merancang membangun kawasan seluas 6.8 hektar untuk apartmen dan kediaman semi D yang dinamakan Rafflesia@Hill.

“Kawasan di Damansara Damai pula akan dimajukan dengan kondominium serta apartmen servis, di samping sebuah rumah kelab, khusus untuk penduduk di perbandaran berkenaan,” katanya.

Di luar Lembah Klang, MK Land syarikat akan melancarkan dua projek di Ipoh iaitu Meru Perdana dan Kelebang Putra dengan rancangan membangunkan rumah setingkat dan dua tingkat.